

Psikoterapi dan Pembolehubah Konsep Kendiri

(PART 3)

Assoc. Prof. Dr. Azizi Hj Yahaya

1.1.2 Struktur konsep kendiri Burns

Burns (1979) menakrifkan konsep kendiri sebagai satu organisasi sikap kendiri yang merangkumi empat komponen termasuk komponen kepercayaan serta pengertian atau kognitif; komponen emosi atau afektif; komponen penilaian dan komponen naluri asas. Beliau percaya bahawa konsep kendiri seseorang dibentuk dari gabungan imej kendiri (pengenalan kendiri) dan estim kendiri (penilaian kendiri).

Imej kendiri merupakan “kandungan kendiri” yang telah dikenali seseorang itu dan biasanya mempunyai kewujudan yang statik dan neutral. “Estim kendiri” pula dilihat sebagai bahagian penting dalam pembinaan konsep kendiri kerana ia merupakan hasil daripada proses penilaian yang dinamik dan berterusan.


Estim kendiri boleh ditakrifkan sebagai “satu sikap di mana seseorang itu yakin sama ada dia seorang yang berkebolehan, berkepentingan, berjaya dan dihargai.” (Coopersmith, 1967, p 4) Dalam erti kata lain, estim kendiri boleh dinyatakan sebagai refleksi bagaimana seseorang itu menilai dirinya.

Burns bersetuju dengan Brisset (1972) yang menyatakan estim kendiri sebagai rangkuman dua bahagian yang penting iaitu penilaian kendiri (self evaluation) dan kepentingan kendiri (self worth). Empat kriteria yang dirujuk dalam penilaian diri ialah matlamat diri atau gabungannya dengan matlamat persetujuan umum seperti kekayaan, kedudukan; takat pencapaian seseorang; peraturan moral; dan norma kelakuan. (Burns, 1979)

Tiga perkara dikatakan akan berlaku dalam proses penilaian kendiri, iaitu perbandingan antara imej kendiri dengan kendiri ideal ; internalisasi penilaian masyarakat seperti yang

dinyatakan Cooley (1902) dan Mead (1934); dan penilaian tentang pencapaian diri dalam memainkan peranan identiti sosial. (Burns, 1979)

Maka, pembentukan konsep kendiri akan terdiri daripada tiga komponen penting, iaitu kendiri pengenalan (cognized self), “ kendiri lain ” (other self) dan kendiri ideal seperti mana yang ditunjukkan dalam gambarajah 1.1.2.



Gambarajah 1.1.2 Struktur konsep kendiri oleh Burns.

Kendiri pengenalan adalah bahagian kendiri seperti mana yang dikenali oleh seseorang. “Kendiri lain” adalah bahagian kendiri yang dinilai oleh orang lain terutamanya orang signifikan. Konsep “kendiri lain” boleh juga dinyatakan dalam konsep “kendiri-cermin” (looking-glass self) (Cooley, 1902) atau “kendiri bentuk sosial” (socially-formed self) (Mead, 1934). Kendiri ideal pula sentiasa dirujuk pada bahagian imej kendiri yang seseorang ini cita-citakan.

CONTINUE...